

**CENOK KERAK**  
Raffles's Malkoha

FAMILI: Cuculidae  
NAMA SAINTIFIK: *Phaenicophaeus chlorophaeus*



**CIRI-CIRI**

Individu jantan mempunyai bahagian kepala dan dada berwarna kemerahan manakala bahagian atas belakang badan serta sayap berwarna kuning langsung kemerahan. Bahagian ekor berwarna hitam dengan warna putih pada bahagian hujung. Bahagian paruh berwarna hijau pudar manakala bahagian muka berwarna hijau kebiruan serta bahagian belakang badan, atas tongkeng dan bahagian pangkal atas ekor berwarna hitam. Bahagian perut berwarna kekelabuan manakala bahagian ekor terdapat jalur-jalur yang berwarna gangsa. Bagi individu betina dewasa pula, bahagian kepala, tengkuk dan dada berwarna kelabu manakala bahagian ekor berwarna kuning langsung kemerahan dengan jalur hitam dan putih pada bahagian hujung. Bahagian perut berwarna kuning pucat.

**SAIZ**

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 19.0-35.0 sm.

**MAKANAN**

Vertebrata kecil serta buah-buahan.

**HABITAT**

Hutan dipterokap, pinggir hutan dan kawasan pertanian pada ketinggian sehingga ke 975 m dari aras laut.

**BUNYI**

Mengeluarkan bunyi yang perlahan di antara 3-6 nota bunyi yang sedih seakan-akan bunyi mengiau *kiau kiau kiau* atau *hiah hiah hiah* termasuklah satu siri bunyi yang kasar *heeah haew* secara tunggal dan berganda.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak adalah Januari-Jun. Sarang yang dibina menyerupai spesies cenok yang lain daripada timbunan daun-daun pada ketinggian sehingga ke 3 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah di antara 2-3 biji berwarna putih berukuran kira-kira 33 X 25 m secara purata.

**STATUS**

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.